



SARBINI TIJAN 8/5/2015

Sarbini Tijan

Presiden LIAN SUK

KTMB baharu

KUALA LUMPUR 7 Mei

- Pengerusi Jawatankuasa Pelan Hala Tuju Industri Sokongan Kereta Api Malaysia 2030, Sarbini Tijan dilantik sebagai Presiden Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) yang baharu berkuat kuasa 1 Mei lalu.

Beliau menggantikan Datuk Elias Kadir.

KTMB dalam satu kenyataan berkata, Sarbini yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) memulakan perkhidmatan bersama syarikat itu pada tahun 1981 sebagai Pegawai Trafik.

Beliau kemudian ditugaskan sebagai Pengurus Kanan dan seterusnya pada tahun 1994, dilantik sebagai Pengurus Besar pada usia 37 tahun iaitu antara yang termuda menjawat jawatan itu dalam KTMB.

Pada Januari 2010, beliau dipinjamkan ke Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) sebelum dilantik sebagai Penasihat Presiden KTMB pada 7 Julai tahun sama.

Sebelum bersara pada 19 Mei 2013, beliau memegang jawatan Naib Presiden Kanan, Operasi dan Perniagaan selama 11 bulan.